

24 Jun 2024

Notis Pemberitahuan

Bil. 01/2024

**PELAKSANAAN PEMBERIAN MATA PROGRAM PENDIDIKAN BERTERUSAN  
(*CONTINUOUS EDUCATION PROGRAMME, CEP*) KEPADA PEMEGANG LESEN**

**TUJUAN**

1. Notis pemberitahuan ini disediakan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan pemberian mata Program Pendidikan Berterusan (*Continuous Education Programme, CEP*) kepada pemegang lesen.

**LATAR BELAKANG**

2. Susulan penularan wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia bermula Mac 2020, adaptasi norma baharu operasi melalui pelaksanaan *Work From Home (WFH)* telah dikuatkuasakan bagi memastikan perkhidmatan dapat disalurkan secara berkesan. Salah satu adaptasi norma baharu operasi yang dijalankan oleh sektor kerajaan dan sektor swasta semasa penularan wabak COVID-19 adalah penganjuran latihan secara dalam talian (*online*) bagi mengatasi kekangan penganjuran latihan secara fizikal yang tidak dibenarkan semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3. Bagi memfasilitasi pemegang lesen di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*] berikutan adaptasi norma baharu operasi secara WFH, Jabatan Tenaga Atom telah membenarkan pemegang lesen untuk menganjurkan latihan secara dalam talian bagi membolehkan pemegang lesen mematuhi keperluan perundangan di bawah Akta 304 dan memberikan mata CEP kepada pekerja sinaran yang memenuhi syarat-syarat latihan yang telah ditetapkan. Kelonggaran penganjuran latihan secara dalam talian ini adalah bagi memfasilitasi kekangan pergerakan yang dihadapi oleh pekerja sinaran

untuk menghadiri latihan fizikal semasa tempoh pelaksanaan PKP.

## **ARAHAN JABATAN TENAGA ATOM**

4. Berikutan penamatan pelaksanaan PKP dan keadaan norma kerja yang telah kembali seperti sedia kala, kemudahan bagi pemegang lesen untuk menganjurkan latihan secara dalam talian dengan pemberian mata CEP telah diteliti semula.
5. Jabatan Tenaga Atom memutuskan bahawa mata CEP hanya diberikan untuk latihan yang dijalankan secara fizikal sahaja bagi memastikan objektif pendidikan secara berterusan tercapai. Sehubungan dengan itu, permohonan mata CEP oleh pekerja sinaran hanya akan dipertimbangkan bagi latihan yang dihadiri secara fizikal sahaja.
6. Arahan ini tidak menjejaskan hasrat penganjuran latihan secara dalam talian, yang masih boleh diteruskan, namun tiada mata CEP akan diberikan oleh Jabatan Tenaga Atom.

## **PENGUATKUASAAN ARAHAN**

7. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta daripada tarikh ia dikeluarkan.
8. Arahan ini tidak membatalkan pemberian mata CEP bagi latihan secara dalam talian yang telah diluluskan oleh Jabatan Tenaga Atom sebelum notis ini dikeluarkan.

## **PENUTUP**

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan Jabatan Tenaga Atom melalui alamat seperti di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Jabatan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

No. Tel: +603-89225888

No. Faks: +603-89223685

E-mel: [corporate@aelb.gov.my](mailto:corporate@aelb.gov.my) Laman Web : [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)